

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN REMISI
(untuk simpanan pemohon)

Elaun kosong boleh dipertimbangkan sekiranya syarat-syarat di bawah **Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** seperti di bawah ini dipatuhi.

1. Tuntutan boleh dibuat jika bangunan tersebut kosong (tidak dapat disewakan) lebih dari sebulan.
2. Pemilik hendaklah mengemukakan **NOTIS** (permohonan bertulis) mengenai kekosongan tersebut dalam tempoh 7 hari bermula dari tempoh kekosongan bangunan. Permohonan baru perlu dikemukakan pada setiap penggal (Januari / Julai) selama tempoh kekosongan bangunan tersebut.
3. Dalam membuat tuntutan, pemilik mesti mengemukakan **BUKTI** yang memuaskan bagi perkara-perkara berikut:
 - a) Bangunan dalam keadaan baik dan layak diduduki
 - b) Telah berusaha mendapatkan penyewa
 - c) Sewa yang diminta adalah munasabah
 - d) Bangunan telah kosong dalam tempoh yang dituntut itu

Bagi tujuan di atas, pemilik perlu mengemukakan keratan iklan dalam surat khabar dan salinan resit pengiklanan atau surat daripada agen harta tanah yang telah dilantik. Jika bangunan masih dalam pembaikan, perkara (a), (b) dan (c) tidak perlu dibuktikan.

4. Pemilik mesti menyatakan tarikh-tarikh kekosongan dan alamat-alamat untk dihubungi.

PERINGATAN

Permohonan elaun kosong tidak akan dipertimbangkan sekiranya bil Cukai Taksiran tidak dijelaskan. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.